

'Hantar motor, saya nak tinjau banjir'

Kuala Lumpur: "Saya dah maklumkan kepada Ketua Pengarah Dewan Bandaranya Kuala Lumpur (DBKL) Datuk Salleh Yusop dan Pengarah Penguatkuasanya, kalau hujan lebat dan berlaku banjir kilat, tolong hantar sebuah motosikal ke rumah sebab saya nak tinjau sendiri apa punca ia berlaku."

Demikian tegas Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Mansor yang secara serius mahu melihat masalah banjir kilat di ibu negara dapat diatasi segera bagi menghentikan rungutan orang ramai yang menyalahkan kerajaan terhadap situasi itu.

Menurutnya, beliau sudah mengarahkan semua jabatan di DBKL memandang serius bencana itu yang sering membelenggu rakyat terutama di kawasan bandar setiap kali hujan lebat.

"Kami mahu pastikan bandar raya Kuala Lumpur



TENGGU Adnan

selamat dan bersih sebab kadang kala banjir kilat ini berlaku berpunca daripada sampah-sarap yang dibuang atas jalan raya terperangkap dalam longkang.

"Bila hujan lebat dan berlaku banjir kilat, DBKL tolong hantar sebuah motosikal ke rumah saya sebab nak lihat sendiri puncanya," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat sulung dengan ketua-ketua jabatan pihak berkuasa tempatan itu di Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, di sini, semalam.